



## KENYATAAN / SIARAN AKHBAR

Untuk maklumat lanjut sila hubungi:

**Bahagian Komunikasi Korporat**

**Perbadanan Putrajaya**

Tel: 03-8887 7033 Faks: 03-8881 1008

### AGROBAZAAR DAN KARNIVAL FOOD TRUCK PUTRAJAYA

**PUTRAJAYA**, 8 Februari 2022 – Menteri Wilayah Persekutuan, YB Dato’ Seri Dr. Shahidan Kassim turun padang meninjau dan beramah mesra dengan peniaga Agrobazaar dan Karnival Food Truck Putrajaya bertempat di Tapak Hot Spot Food Truck Presint 2, Putrajaya.

Turut hadir bersama YB Datuk Seri Jalaluddin Alias, Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, YBhg Datuk Seri Hajah Rosida Jaafar, Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) dan YBhg. Dato’ Fadlun Mak Ujud, Naib Presiden Kanan Perbadanan Putrajaya (PPj).


Julung kali diadakan, karnival yang dianjurkan selama tiga (3) hari bermula pada 7 hingga 9 Februari 2020 dari jam 10 pagi hingga 10 malam menampilkan pelbagai pengisian menarik bercorak keusahawanan, kerohanian, kekeluargaan, riadah, dan hiburan santai. Penganjuran program bertujuan memeriahkan lagi sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2022 dan merupakan inisiatif PPj membantu penjaja kecil sederhana Putrajaya yang terkesan akibat pandemik memulihkan perniagaan dan berdaya saing.

Terdapat dua (2) komponen iaitu komponen pertama merupakan agro bazaar yang menghimpunkan seramai 100 peniaga dalam jualan terus buah-buahan, tanaman kontan serta sayuran dari ladang, jualan florikultur iaitu anak-anak pokok, pokok bunga serta orkid, jualan produk industri asas tani dan jualan makanan popular. Selain itu, pelbagai aktiviti antaranya aktiviti memakan durian, pertandingan memancing cili, kempen makan ulam serta hadiah cabutan bertuah turut diadakan.

Komponen kedua pula merupakan Karnival Food Truck Putrajaya memaparkan seramai 20 usahawan *food truck* Putrajaya dalam jualan pelbagai juadah makanan dan minuman kepada pengunjung. Pengunjung juga berpeluang untuk menikmat hidangan di ruang makan outdoor lengkap dengan kerusi dan meja dan dihiburkan dengan persembahan ‘busker jemputan’.

Pada masa yang sama, YB Menteri Wilayah Persekutuan turut menanam pokok di Sisiran Tasik Putrajaya. Pokok yang telah dipilih dan ditanam adalah dari spesis *Tabebuia rosea* dan *Tabebuia argentea* atau lebih dikenali sebagai pokok Sakura Malaysia (*Tecoma*). Pokok yang ditanam oleh YB Menteri Wilayah Persekutuan merupakan pokok yang ke 50,000 ditanam di Putrajaya.

Sehingga kini, Perbadanan Putrajaya telah merekodkan penanaman sebanyak 50,000 pokok di bawah Program Penghijauan Malaysia di sekitar Putrajaya. Pokok yang telah ditaman merangkumi pokok teduhan berbunga seperti Tabebuia rosea (Tekoma), Cassia fistula (Rajah Kayu dan banyak lagi spesies pokok berbunga yang lain.



**TPr. NORZITA ABDUL RAZAK**  
Pengarah (Komunikasi Korporat)  
Perbadanan Putrajaya  
Tarikh: 8 Februari 2022

---

Keterangan lanjut berhubung siaran media ini, sila hubungi Pegawai Media PPj, Encik Mohamad Rohaizat bin Kasman di talian 017-3132590 dan Encik Mohd Fairus Bin Mohd Padzil di talian 019-3354346.